

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Bersedia hadapi virus sering bermutasi

Dos penggalak bantu tingkat pertahanan diri daripada dijangkiti

Oleh Zanariah Abd Mutalib
 zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keperluan mengambil vaksin COVID-19, termasuk dos penggalak tidak boleh dipandang sebagai sesuatu yang negatif kerana ia langkah perlindungan diri daripada jangkitan virus itu yang sentiasa bermutasi.

Pakar Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Aidalina Mahmud, berkata tahap keberkesanan vaksin terhadap jangkitan COVID-19 berkurangan seiring masa, justeru dos penggalak perlu untuk meningkatkan ketahanan diri.

"Virus secara semula jadinya akan bermutasi. Jika ada yang menghalang pembiakan, ia akan menukar struktur diri untuk mengatasi halangan itu dan kita tidak tahu sebanyak mana lagi virus COVID-19 ini akan bermutasi.

"Walaupun vaksin tidak menjadikan kita kebal sepenuhnya daripada virus ini, sekurang-kurangnya kita ada perlindungan daripada jangkitan, seperti kita memakai topi keledar dan tali pinggang keledar ketika memandu, yang mengurangkan kecederaan jika berlaku kemalangan," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas kebimbangan segelintir masyarakat untuk mengambil dos COVID-19 yang berikutnya jika diperlukan, termasuk dos penggalak ketika ini, selepas sudah lengkap menerima dua dos suntikan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, sebelum ini menasihatkan penerima vaksin COVID-19 supaya mengambil dos penggalak sekurang-kurangnya tiga bulan selepas menerima vaksin primer.

Ia susulan dapatan data kajian klinikal dan kajian Real World, termasuk The Real-World Evaluation of COVID-19 Vaccines Under the Malaysia National COVID-19 Immunisation Programme (RECoVIM), yang mendapati tahap keberkesanan vaksin terhadap jangkitan COVID-19 berkurangan dengan masa.

Katanya, data terkini menunjukkan varian Omicron boleh menyebabkan peningkatan penularan jangkitan, kebolehpayaan pengikatan virus yang lebih tinggi dan kelolosan antibodi yang lebih tinggi, daripada imuniti yang disebabkan oleh vaksin atau jangkitan semula jadi.

Justeru, Dr Aidalina meminta mereka yang layak untuk menerima dos penggalak supaya mendapatkannya, demi kesihatan diri, keluarga dan masyarakat, sama seperti tujuan pengambilan dua dos sebelum ini.

"Jangan kita mengeluh kerana perlu divaksin lagi. Kita sedia tahu, implikasi jika tidak divaksin itu lebih besar sehingga membahayakan kematian.

"Kerajaan juga memberikan insentif secara percuma. Ramai penduduk di negara lain yang tidak mendapat vaksin terkorban walaupun hanya dijangkiti Omicron yang dikatakan kurang ga-

"Walaupun vaksin tidak menjadikan kita kebal sepenuhnya daripada virus ini, sekurang-kurangnya kita ada perlindungan daripada jangkitan"

Dr Aidalina Mahmud,
 Pakar Kesihatan Awam, UPM

nas daripada varian asal," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Perubatan dan Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Mohd Hafiz Jaafar, berkata kebaikan mengambil dos penggalak masih mengatasi kesan sampingan vaksin itu sendiri dan ia dibuktikan melalui data harian berkaitan kes jangkitan baharu COVID-19 di Malaysia serta seluruh dunia.

"Kajian masih dijalankan dan isu ini sama seperti influenza, yang mana virus berubah dan bermutasi, maka kita perlu bersedia siaga untuk melawan virus.

"Bagi influenza itu sendiri, kita masih perlu mengambil vaksin tahunan untuk melindungi diri daripada jangkitan disebabkan varian virus yang berbeza.

"Dos penggalak COVID-19 ini adalah perisai untuk badan kita daripada mendapat jangkitan yang teruk," katanya.

PPV Paradigm Mall tambah dewan

Petaling Jaya: Suasana sesak ketika pemberian dos penggalak di pusat pemberian vaksin (PPV) Paradigm Mall, di sini, kini semakin terkawal selepas pihak pengurusan menambah satu lagi dewan, Isnin lalu.

Ahli Farmasi di PPV Paradigm Mall, Nur Amira Hafiza Mohamed Tahir, berkata ini membolehkan lebih ramai menerima vaksinasi serentak.

Meskipun mengakui ramai menerima vaksin pada pagi, pertambahan satu lagi dewan membolehkan dua bilik vaksinasi baharu ditambah bagi melancarkan pemberian dos penggalak.

"Dengan dua dewan kini, urusan vaksinasi berjalan lebih lancar dan selaras pertambahan itu, kami juga meningkatkan pemberian vaksin daripada 1,000 dos kepada 2,000 dos setiap hari.

"Meskipun pemberian dos penggalak dibuat berdasarkan aplikasi MySejahtera, mereka yang berhasrat mendapatkan janji temu boleh hadir ke PPV Paradigm Mall untuk mengimbas kod QR.

"Janji temu akan diberi dalam tempoh dua jam hingga 24 jam," katanya kepada BH, di sini.

Sebelum ini, gambar dan video memabitkan barisan panjang penerima dos penggalak di PPV Paradigm Mall sejak ia dibuka 27

Disember tahun lalu, tular selepas dikongsi di sosial media.

Pekerja swasta, Tan Chi Seng, 35, berkata dia mengambil masa tidak sampai 30 minit bagi mendapatkan dos penggalak ketika hadir ke PPV berkenaan, hari ini.

"Saya harap mereka yang ingin mendapatkan suntikan penggalak dapat mengikut waktu janji temu disediakan melalui MySejahtera.

"Saya lihat sukarelawan juga keletihan. Jadi, kalau orang ramai dapat beri kerjasama, tentu urusan berjalan lancar," katanya.

Syed Fadzil Syed Nadzari, 36, turut memuji langkah PPV Paradigm Mall membuat penambahbaikan bagi memastikan kesesuaian pengunjung di PPV itu sehingga 26 Mac ini.

"Setakat ini, hanya saya serta ibu dan bapa baru mendapat dos penggalak dan ahli keluarga lain masih sabar menunggu janji temu melalui aplikasi MySejahtera," katanya.

Sementara itu, penerima dos penggalak yang ingin dikenali sebagai Nor Farzilah, 35, berkata pembukaan dewan tambahan di PPV Paradigm Mall dapat menjimatkan masa.

"Saya datang jam 1.20 tengah hari dan keadaan tidak sesak membolehkan vaksinasi saya selesai dalam 10 minit," katanya.



Orang ramai beratur untuk mendapatkan dos penggalak di pusat beli-belah Paradigm Mall, semalam.
 (Foto Aziah Azmee / BH)

27 lagi kematian direkodkan

Putrajaya: Sebanyak 27 lagi kematian akibat COVID-19 direkodkan negara setakat tengah malam kelmarin, termasuk sembilan kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

Data melalui laman web COVIDNOW, menunjukkan peningkatan bilangan kematian kelmarin, menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian akibat COVID-19 di negara ini meningkat kepada 31,723 kes dengan 6,401 daripadanya kes BID.

Laman web GitHub Kementerian Kesihatan (KKM) pula menunjukkan Selangor merekodkan

kematian akibat COVID-19 tertinggi dengan sembilan kes, diikuti empat kematian masing-masing di Johor dan Terengganu.

Sabah dan Kuala Lumpur masing-masing mencatat tiga kematian serta masing-masing satu kematian di Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang.

Sehingga tengah malam kelmarin juga, sebanyak 39,913 kes jangkitan masih aktif dengan sejumlah 32,703 kes menjalani kuarantin di rumah.

Seramai 3,659 pesakit menjalani kuarantin di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Ber-

isiko Rendah (PKRC) dan 3,322 pesakit lagi dirawat di hospital.

Sementara itu, sebanyak 253,944 dos vaksin COVID-19 diberikan kelmarin, iaitu 2,152 bagi dos pertama, 3,133 dos lengkap dan 248,659 dos penggalak.

Sebanyak 97.8 peratus populasi dewasa negara sudah divaksin, manakala 88 peratus populasi remaja berusia 12 hingga 17 tahun juga sudah melengkapkan vaksinasi.

Sementara itu, 3,198 lagi kes positif baharu COVID-19 direkodkan setakat tengah hari semalam. Ia menjadikan sejumlah 2,795,233 kes dilaporkan setakat ini.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : COVID-19

27 kes kematian dicatat kelmarin

Putrajaya: Ancaman Covid-19 belum reda apabila Malaysia merekodkan 27 lagi kematian akibat Covid-19 termasuk sembilan kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) setakat tengah malam kelmarin.

Data melalui laman sesawang COVIDNOW, menunjukkan peningkatan bilangan kematian kelmarin menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian akibat Covid-19 di negara ini meningkat kepada 31,723 kes dengan 6,401 daripadanya adalah kes BID.

Laman sesawang GitHub Kementerian Kesihatan

(KKM) pula menunjukkan Selangor merekodkan kematian akibat Covid-19 tertinggi kelmarin iaitu sembilan kes, diikuti empat kematian masing-masing di Johor dan Terengganu.

Sabah dan Kuala Lumpur masing-masing mencatat tiga kematian serta masing-masing satu kematian di Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang.

Sehingga tengah malam kelmarin juga, sebanyak 39,913 kes jangkitan masih lagi aktif, dengan sejumlah 32,703 kes menjalani kuarantin di rumah.

Seramai 3,659 pesakit ki-

ni menjalani kuarantin di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) dan 3,322 pesakit lagi dirawat di hospital.

Sementara itu, sebanyak 253,944 dos vaksin Covid-19 diberikan kelmarin, iaitu 2,152 bagi dos pertama; 3,133 dos lengkap dan 248,659 dos penggalak.

Setakat tengah malam juga, sebanyak 97.8 peratus populasi dewasa negara sudah divaksin manakala 88 peratus populasi remaja berusia 12 hingga 17 tahun juga sudah melengkapkan vaksinasi masing-masing.

Kota Kinabalu: Hampir 20 peratus daripada jumlah kes harian Covid-19 di Sabah, kelmarin membabitkan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

Jurucakap perkembangan harian Covid-19 Sabah Datuk Masidi Manjun berkata, ia membabitkan 50 kes daripada sejumlah 253 kes harian, dengan kanak-kanak itu tidak layak menerima vaksin.

Katanya, kadar jangkitan terhadap kanak-kanak itu disifatkan agak tinggi dan membimbangkan.

"Diharapkan semua ibu bapa dan juga guru di sekolah mengambil langkah agar dapat mengurangkan risiko jangkitan ke atas me-

Jangkitan terhadap kanak-kanak di Sabah membimbangkan



reka yang masih belum layak menerima vaksin ini," katanya dalam kenyataan dikeluarkan, semalam.

Dalam pada itu, Masidi berkata, jumlah kematian akibat pandemik itu hanya

satu angka iaitu empat kes dengan masing-masing satu di Tawau, Pitas, Tambunan dan Kota Belud.

"Bilangan pesakit Covid-19 sembuh ialah 288 menjadikan jumlah kumulatif 235,692 orang, manakala 748 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 419 orang di hospital, 327 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan dua di Pusat Tahanan Sementara (PTS)," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Risik sindiket tipu vaksin

Kuala Lumpur

Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaksanakan risikan dan pemantauan secara menyeluruh bagi mengesan pihak lain yang dipercayai melakukan penjualan siji vaksin Covid-19 palsu di seluruh negara.

Tidak menolak kemungkinan wujud sindiket penjualan itu, Ketua Polis Negara Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani mengarahkan semua kontinjen negeri menjalankan siasatan.

"Setakat ini siasatan di Terengganu mengesan sindiket yang diusahakan satu individu, tapi kita tak pasti wujud lagi perkara sama di negeri lain."

"Saya mengarahkan semua Jabatan Siasatan Jena-

Polis siasat kemungkinan wujud penjualan siji palsu di negeri lain

yah (JSJ) melalui Pengarahnya Datuk Seri Abd Jalil Hassan dan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Datuk Mohd Kamarudin Md Din menjalankan risikan serta mengesan sama ada berlaku di tempat lain," katanya selepas Program Pendidikan kerjasama Yayasan Bank Rakyat dan Pusat Autisme PDRM Pengamam-MAIWP di sini, semalam.

Pada Sabtu lalu, Polis Terengganu membongkar kegiatan penjualan siji vaksinasi Covid-19 dipercayai palsu dengan merampas hampir 100 kad peringatan (janji temu) vaksinasi.



Kegiatan itu terbongkar susulan serbuan sepaikan pegawai dan anggota JSJK yang membawa kepada penahanan doktor lelaki berusia 51 tahun di klinik swasta di Marang, Terengganu jam 7 malam.

Turut ditahan, enam individu termasuk juruteknik berusia antara 35 hingga 57 tahun bagi membantu siasatan.

Acryl berkata, tindakan kumpulan terbabit wajar dipandang serius kerana ia menghalang usaha kerajaan mengawal penularan wabak Covid-19 melalui vaksinasi.

"Kita tidak mahu melihat usaha dan langkah kerajaan melakukan pencegahan ini terhalang disebabkan tindakan segelintir pihak menggagalkannya," katanya.

88% populasi remaja lengkap vaksinasi

Kuala Lumpur: Sebanyak 2,768,673 atau 88 peratus daripada populasi remaja di negara ini lengkap menerima vaksin Covid-19 setakat 11.59 malam kelmarin.

Berdasarkan data Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi laman Covidnow, 2,858,109 atau 90.8 peratus daripada kumpulan berusia antara 12 hingga 17 tahun itu sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi dewasa, 22,889,297 individu atau 97.8 peratus daripada mereka melengkapkan vaksinasi manakala 23,172,722 individu atau 99 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

Sementara itu, menurut portal Github KKM, 27 kes kematian direkodkan kelmarin, dengan sembilan daripadanya kematian di luar hospital. -Bernama

Lanjut waktu suntikan dos penggalak di Labuan

Labuan: Waktu operasi pemberian suntikan dos penggalak di Labuan dilanjutkan sehingga jam 8 malam, berbanding 5 petang sebelum ini, dari Isnin hingga Jumaat, bermula 10 Januari lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan Dr Ismuni Bohari berkata, lanjutan waktu operasi itu (8 pagi hingga 8 malam) bagi membantu mempercepat proses pemberian dos penggalak dan kemudahan jadual fleksibel kepada mereka yang bekerja.

"Kami memindahkan pusat pemberian vaksin penggalak dari Klinik Kesihatan Membeda ke Kompleks Darul Kifayah pada 29 Disember (tahun lalu), susulan peningkatan jumlah mereka yang menerima janji temu untuk suntikan vaksin."

"Selepas melihat peningkatan jumlah itu, kami me-

mutuskan melanjutkan waktu operasi pada hari bekerja," katanya.

Katanya, pusat pemberian dos penggalak di Darul Kifayah dibuka pada Sabtu bermula jam 8 pagi hingga 4 petang.

Katanya, 22,936 golongan dewasa menerima suntikan dos penggalak daripada jumlah keseluruhan 72,000 orang dewasa yang layak menerima suntikan dos penggalak setakat 11 Januari.

Katanya, purata yang mengunjungi pusat pemberian vaksin sekitar 800 hingga 1,000 orang setiap hari.

Pengerusi Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITE) Rithuan Ismail berkata, pemberian dos penggalak dipercepatkan berikutan kemunculan varian baharu Omicron di pulau itu. -Bernama

Rekod maklumat vaksinasi



PETUGAS memasukkan maklumat ke dalam sistem sebelum menyerahkan kad vaksinasi Covid-19 kepada penerima vaksin ketika tinjauan di sebuah Pusat Pemberi Vaksin (PPV) di Butterworth, semalam.

RASUAH TIPU SJIL VAKSIN

Pembantu pejabat direman tujuh hari

Kota Kinabalu: Seorang pembantu pejabat direman tujuh hari bagi membantu siasatan dakwaan menerima rasuah daripada orang awam bagi tujuan pendaftaran Sijil Digital Vaksinasi Covid-19 di dalam aplikasi MySejahtera pada Oktober tahun lalu.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Jessica Ombou Kakayun di sini, semalam selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM). Lelaki berusia 31 tahun itu ditahan jam 1.30 tengah hari kelmarin di pejabat SPRM, di sini, ketika hadir untuk memberi ketera-

ngan. Suspek dipercayai memberi rasuah kepada sukarelawan di satu pusat pemberian vaksin sebagai balasan mendaftarkan nama individu yang tidak menerima suntikan vaksin Covid-19 bagi mendapatkan sijil digital berkenaan. -Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

DOKTOR JUAL SIJIL VAKSINASI

Saksi tampil sukarela

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
zatuliffah@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Beberapa individu termasuk mereka yang pernah mendapatkan perkhidmatan sijil vaksinasi dipercayai palsu di sebuah klinik

swasta di Marang bersedia menjadi saksi kes berkenaan.

Ketua Polis Terengganu Datuk Rohaimi Md Isa berkata, semua mereka juga tampil secara sukarela bagi membantu siasatan kes penjualan sijil vaksinasi Covid-19 itu.

Katanya, setakat ini, siasatan kes berkenaan berjalan lancar dan pihaknya bekerjasama rapat dengan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) untuk membuat semakan menerusi MySejahtera.

"Buat masa ini, lima orang memberi persetujuan untuk menjadi saksi dalam kes ini apabila mereka mengaku tidak divaksin, tetapi telah mendapatkan vaksin dan mengesahkan mereka telah divaksin untuk dos pertama.

"Ada antara mereka ini memberi persetujuan melalui telefon dan mengaku baru menerima suntikan pertama dan kita akan buat semakan selepas ini.

"Kita berharap lebih ramai individu tampil secara sukarela bagi membantu siasatan kerana kita tidak mahu mengesahkan kesemua yang terbabit," katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) di sini, semalam.

Terdahulu, Rohaimi menyaksikan majlis serah terima tugas Timbalan Ketua Polis (TKP) Terengganu antara mantan TKP Senior

Asisten Komisyoner (SAC) Norhalid Kimi dan TKP baharu SAC Wan Rukman Wan Hassan.

Media sebelum ini melaporkan polis Terengganu membongkar kegiatan penjualan sijil vaksinasi Covid-19 dipercayai palsu dengan merampas hampir 100 keping kad peringatan (janji temu) vaksinasi.

Kegiatan itu terbongkar susulan serbuan sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Komerisial yang membawa kepada penahanan suspek pada Sabtu lalu.

"Lima orang memberi persetujuan untuk menjadi saksi Rohaimi"



Suspek bakal dibebaskan dengan jaminan polis

Md Isa berkata, ini berikutan tempoh reman terhadap suspek berusia 51 tahun yang bertugas di klinik swasta di Marang, berakhir hari ini.

Menurutnya, lelaki itu yang juga suspek utama kes berkenaan akan diberi jaminan polis sementara menunggu arahan lanjut daripada pihak pendakwaan.

"Siasatan berjalan lancar apabila Jabatan Siasatan Jenayah Komerisial (JSJK) Terengganu akan menguruskan siasatan lanjut di mana barang-barang kes yang dirampas seperti komputer riba dan telefon bimbit akan dihantar kepada Bahagian Forensik JSJK Bukit Aman.

"Insya-Allah, barang-barang kes itu akan dihantar ke sana esok (hari ini)," katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu, di sini, semalam.

Terdahulu, Rohaimi me-

"Insya-Allah, barang-barang kes itu akan dihantar ke sana esok (hari ini)" Rohaimi

nyaksikan majlis serah terima tugas Timbalan Ketua Polis Terengganu antara Senior Asisten Komisyoner Norhalid Kimi yang bersara dan Senior Asisten Komisyoner Wan Rukman Wan Hassan.

Sebelum ini, suspek yang ditahan pada Sabtu lalu di reman selama tiga hari sehingga kelmarin untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 420 Ka-

nun Keseksaan.

Bagaimanapun, polis memohon lanjutan reman terhadap suspek sebelum Majlis-tret Engku Nurul Ain Engku Muda membenarkan reman suspek ditambah dua hari lagi sehingga hari ini.

Media sebelum ini melaporkan polis Terengganu membongkar kegiatan penjualan sijil vaksinasi Covid-19 dipercayai palsu dengan merampas hampir 100 keping kad peringatan (temu janji) vaksinasi.

Aktiviti keluar masuk Felda punca PKPD

Hulu Selangor: Pergerakan keluar masuk dan lokasi kediaman berhampiran antara satu sama lain dipercayai menjadi punca kebanyakan kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Pengerusinya Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kawasan Felda ibarat sebagai 'taman' yang sering dikunjungi oleh orang awam.

"Ia didatangi orang luar yang biasa masuk ke kawasan itu dan amat (berhubung) rapat dengan penduduk," katanya, semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Felda Digital Maker Hub Coding dan Robotik di Sekolah Kebangsaan (SK) Gedangsa, dekat sini.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan penduduk Felda di seluruh negara supaya mengambil langkah berjaga-jaga terhadap penularan Covid-19 supaya tidak merebak dalam komuniti.



"Ia didatangi orang luar yang biasa masuk ke kawasan itu dan amat (berhubung) rapat dengan penduduk"

Idris

Pada 4 Januari lalu, media melaporkan PKPD dilaksanakan di Felda Keratong 5, Rompin, Pahang bermula 6 Januari lalu sehingga 19 Januari ini.



Kuala Terengganu:

Seorang doktor lelaki yang dipercayai terbabit dalam kegiatan penjualan sijil vaksinasi Covid-19 akan dibebaskan dengan jaminan polis sementara menunggu arahan pendakwaan.

Ketua Polis Terengganu Datuk Rohaimi

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Kemasukan ke hospital meningkat lima peratus

PUTRAJAYA – Negara mencatatkan peningkatan sebanyak lima peratus kemasukan kes Covid-19 ke hospital sepanjang tempoh tujuh hari lalu dengan kadar penggunaan katil sebanyak 66 peratus serta purata 922 kes diwadkan.

Menurut data COVIDNOW, peningkatan kemasukan kes ke hospital turut melibatkan tujuh negeri dengan yang tertinggi Labuan (100 peratus), diikuti Kuala Lumpur (75 peratus) dan Putrajaya (18 peratus).

"Selebihnya, Sabah (15 peratus), Selangor (10 peratus), Melaka (sembilan peratus), Johor (enam peratus), Pahang (tiga peratus) dan Perak (tiga per-

tus)," katanya semalam.

Berhubung kematian Covid-19, sebanyak 27 kes dilaporkan, menjadikan jumlah kematian terkini mencatatkan sebanyak 31,723 kes serta tiada kematian dicatatkan dalam tempoh 24 jam kelmarin.

Terdapat sembilan kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID), dengan jumlah kes BID sehingga kini sebanyak 6,401 kes.

Sementara itu, Ketua Pengerah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 3,198 kes jangkitan baharu Covid-9 dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 2,795,233 kes.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEGARA

Polis seru lebih ramai tampil bagi bantu siasatan

Lima individu beli sijil palsu serah diri

KUALA TERENGGANU – Lima individu yang dipercayai membeli sijil vaksinasi Covid-19 palsu daripada seorang doktor di Marang dekat sini tampil bagi membantu siasatan kes tersebut.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Rohaimi Md. Isa berkata, kesemua mereka mengaku berurusan dengan suspek yang juga doktor sebuah klinik berusia 51 tahun untuk mendapatkan sijil berkenaan.

"Mereka tampil secara sukarela untuk membantu siasatan berhubung penahanan seorang doktor klinik swasta.

"Kelima-lima mereka mengaku membuat pembayaran kepada suspek untuk mendapatkan sijil palsu sedangkan tidak pernah menerima suntikan vaksin Covid-19," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Terdahulu, Rohaimi hadir pada majlis serah tugas Timbalan Ketua Polis Terengganu, Senior Asisten Komisioner Wan Rukman Wan Hassan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu di sini.

Menurut Rohaimi, kelima-lima individu itu bersedia secara sukarela untuk memberi keterangan bagi melengkapkan siasatan seterusnya menjadi saksi untuk kes berkenaan.

Sehubungan itu, beliau meminta lebih ramai individu yang membeli atau berurusan dengan suspek supaya tampil secara sukarela bagi membantu siasatan.

"Setakat ini, siasatan berhubung kes itu berjalan lancar dan kita menjalin kerjasama bersama Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) bagi membantaras kegiatan ini.

"Usaha mengesan saki baki individu yang terlibat dalam kes itu



ROHAIMI meminta lebih ramai pembeli sijil vaksinasi palsu tampil untuk membantu siasatan.



KERATAN Kosmo! 11 Januari 2021.

termasuk secara digital menerusi aplikasi MySejahtera sedang giat dijalankan," katanya.

Dalam perkembangan sama, Rohaimi menambah, doktor yang menjadi suspek utama kes tersebut berkemungkinan dibebaskan dengan jaminan polis setelah perintah remannya tamat hari ini.

"Kita masih menunggu arahan

daripada Pejabat Pendakwa Raya untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Kosmo! pada 11 Januari lalu melaporkan kegiatan seorang doktor sebuah klinik swasta menjalankan aktiviti mengeluarkan dan menjual sijil vaksinasi Covid-19 palsu kepada golongan antivaksin sejak September lalu berakhir selepas dia ditahan di Marang baru-baru ini.

Lelaki berusia 51 tahun itu ditangkap pada Sabtu lalu dan polis merampas kira-kira 1,900 surat kebenaran yang telah diisi oleh pelanggan klinik berkenaan selain sijil vaksinasi dipercayai palsu, komputer riba dan telefon bimbit.

Siasatan mendapati suspek yang juga pemilik klinik mengenakan caj RM400 dan RM600 bagi setiap sijil vaksinasi palsu dengan kebanyakan pelanggannya beralamat di Kuala Lumpur dan Kedah.

JSJ, JSJK siasat sindiket kaut untung jual sijil palsu

KUALA LUMPUR – Polis akan menjalankan risikan bagi mengesan sindiket yang mengaut keuntungan dengan menjual sijil vaksinasi Covid-19 palsu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, pihaknya telah mengarahkan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman untuk menyiasat kegiatan tidak bertanggungjawab tersebut.

"Setakat ini, kita telah menjalankan siasatan dan mengenal pasti seterusnya menahan se-

orang individu (doktor) di Marang, Terengganu berhubung kes menawarkan sijil vaksinasi Covid-19 palsu.

"Kita tidak pasti sama ada perkara sama berlaku di negeri lain, namun siasatan lanjut akan dilaksanakan," katanya pada sidang akhbar selepas Program Pendidikan dan Kemahiran Awal Murid Autisme di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur di sini semalam.

Mengulas lanjut, Acryl Sani memberitahu, pihaknya memandang serius kegiatan itu

kerana perbuatan tersebut boleh merencatkan usaha kerajaan dalam mengawal penularan wabak Covid-19.

"Kita tidak mahu melihat langkah kerajaan dalam membendung wabak Covid-19 terhalang dengan tindakan segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab ini," ujarnya.

Sebelum ini, Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Kamarudin Md. Din memaklumkan, setakat ini terdapat satu kes dikesan membabitkan penawaran sijil vaksinasi Covid-19 palsu.



SIJIL vaksinasi Covid-19 palsu yang dirampas di sebuah klinik di Marang, Terengganu baru-baru ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Perak pantau walau belum terima laporan

IPOH - Kerajaan Perak tetap memantau kes penjualan sijiil vaksinasi Covid-19 palsu di negeri ini meskipun belum menerima laporan daripada mana-mana pihak.

Exco Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Mohd Akmal Kamarudin berkata, pemantauan dijalankan Jabatan Kesihatan negeri bersama polis bagi pengesanan awal kegiatan berkenaan.

"Setakat ini, kejadian sedemikian tidak dilaporkan berlaku di negeri ini. Bagaimanapun, sudah pasti kita jalankan pemantauan."

"Sekarang pun pihak IKN bersama polis menjalankan pemeriksaan termasuk menerusi pejabat kesihatan daerah," katanya ketika ditemui pada majlis penyerahan sumbangan alat bantuan pernafasan di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini pada Rabu.

Menurut beliau, kerajaan negeri memandang serius isu sijiil vaksin palsu seperti yang berlaku di Terengganu dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat.

"Dengan pemantauan rapi dibuat, kita harap tidak adalah, sekiranya berlaku (di Perak), kita jamin tindakan tegas akan diambil dengan segera," katanya.

Media sebelum ini melaporkan polis Terengganu berjaya membongkar kegiatan penjualan sijiil vaksinasi Covid-19 dipercayai palsu dengan merampas hampir 100 keping kad peringatan (temu janji) vaksinasi.

Kegiatan itu terbongkar susulan serbuan sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Komersial yang membawa kepada penahanan suspek pada Sabtu.

Suspek dipercayai melakukan perbuatan itu sejak September tahun lalu selepas klinik berkenaan mendapat kebenaran mengendalikannya suntikan vaksinasi secara berbayar.

Dalam tempoh berkenaan, lebih 1,900 sijiil vaksinasi Covid-19 dijual pada kadar bayaran antara RM400 hingga RM600.



MOHD AKMAL

JSJ, JSJK Bukit Aman diarah kesan sindiket jual sijiil vaksin palsu

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL

KUALA LUMPUR

Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani telah mengarahkan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman menjalankan risikan dan mengesan sindiket yang terlibat dalam aktiviti penjualan sijiil vaksin Covid-19 palsu di seluruh negara.

Acryl Sani berkata, pihaknya memandang serius terhadap tindakan kumpulan atau individu yang menjalankan aktiviti penjualan sijiil vaksin palsu berkenaan.

"Setakat ini, kita telah menahan seorang individu di Marang, Terengganu berkaitan penawaran sijiil vaksin palsu," katanya da-

Polis pantau seluruh negara

lam sidang akhbar pada Program Pendidikan dan Kemahiran Awal Murid Autisme di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur di sini pada Rabu.

Acryl Sani berkata, beliau tidak menolak kemungkinan sindiket sedemikian wujud di negeri-negeri lain.

"Oleh demikian, saya telah mengarahkan ketua-ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) kontinjen negeri melalui Pengarah JSJ Bukit Aman (Datuk Seri Abd Jalil Hassan) dan

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman (Datuk Mohd Kamarudin Md Din) untuk menjalankan risikan.

"Risikan berkenaan adalah untuk mengesan sama ada terdapat lagi perkara sama (kes penjualan



ACRYL SANI

sijiil vaksinasi palsu) berlaku di tempat-tempat lain," katanya.

Menurutnya, perkara itu wajar dipandang serius kerana ia menghalang usaha kerajaan mengawal wabak Covid-19.

"Kita tidak mahu melihat langkah kerajaan membendung pandemik terhalang dengan tindakan segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab," kata beliau.

Selasa lalu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Kamarudin Md Din memaklumkan, setakat ini hanya satu kes dikesan berkaitan aktiviti penawaran sijiil vaksin palsu.

Suspek merupakan seorang pengamal perubatan berusia 51 tahun ditahan di Marang, Terengganu kerana disyaki menjalankan aktiviti penjualan sijiil vaksinasi Covid-19 tanpa memberikan suntikan vaksin sebenar.

Suspek berkenaan direman sejak Sabtu lalu hingga esok bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana melakukan penipuan.

Kamarudin berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan kegiatan itu digesa menyalurkan maklumat tersebut kepada polis.

Pembantu pejabat direman 7 hari

KOTA KINABALU - Seorang pembantu pejabat direman tujuh hari bermula Selasa bagi membantu siasatan dakwaan menerima rasuah daripada orang awam bagi tujuan pendaftaran sijiil digital vaksinasi Covid-19 dalam aplikasi MySejahtera pada Oktober tahun lepas.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Jessica Ombou Kakayun di sini pada Rabu, selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM).

Lelaki berusia 31 tahun itu ditahan kira-kira jam 1.30 tengah hari Selasa di pejabat SPRM di sini ketika hadir memberi keterangan.

Suspek dipercayai memberi rasuah kepada sukarelawan di satu pusat pemberian vaksin sebagai balasan mendaftarkan nama individu yang tidak menerima suntikan vaksin Covid-19 bagi mendapatkan sijiil digital berkenaan. - Bernama



Seorang pembantu pejabat direman tujuh hari di Kota Kinabalu pada Rabu.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Lima pelanggan sedia jadi saksi

Kes doktor klinik swasta jual siji vaksin di Marang

Oleh RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Polis telah mengenal pasti beberapa individu yang pernah berurusan untuk mendapatkan vaksin Covid-19 daripada seorang doktor klinik swasta di Marang yang ditahan polis Sabtu lalu.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Rohaimi Md Isa berkata, buat masa ini lima individu sudah bersetuju menjadi saksi dan mereka akan dipanggil memberi keterangan bagi membantu siasatan kes.

"Semua mereka mengaku tidak divaksin tapi telah menerima kad vaksin mengesahkan mereka sudah disuntik dos pertama vaksin Covid-19. Mereka



Seorang doktor sebuah klinik swasta berusia 51 tahun ditahan sehingga Khamis ini bagi membantu siasatan berhubung dakwaan menjual siji vaksinasi Covid-19 palsu di Marang.

juga sudah membuat bayaran kepada suspek," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas hadir ke Majlis Serah Terima Tugas Timbalan Ketua Polis Terengganu di Dewan Redang, Ibu Pejabat Polis Kontinjen

(IPK) Terengganu di sini pada Rabu.

Pada majlis itu, Senior Asisten Komisioner Norhalid Kimi yang bersara wajib pada Rabu menyerahkan jawatan Timbalan Ketua Polis Terengganu kepada Senior

Asisten Wan Rukman Wan Hassan yang sebelum ini bertugas sebagai Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Dasar Sumber Manusia) Pembangunan Kerjaya Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Menurut Rohaimi, polis sedang bekerjasama dengan beberapa agensi lain termasuk Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) untuk mengesan lebih ramai individu mendapat siji vaksinasi tanpa suntikan di klinik swasta berkenaan.

Sehubungan itu, beliau berharap mereka yang mendapat vaksin Covid-19 di klinik swasta itu tampil secara sukarela bagi membantu siasatan kerana jumlah individu mengisi surat kebenaran vaksin melebihi 1,900 orang.

Rohaimi berkata, setakat ini siasatan berjalan lancar dan suspek utama berusia 51 tahun akan dibebaskan dengan jaminan polis pada Khamis sementara menunggu arahan pihak pendakwa

raya selepas tempoh reman berakhir.

